

21/02/1999

Kaji perlembagaan Islam negara lain

KUANTAN: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) disaran mengkaji perlembagaan negara Islam lain bagi membandingkan dengan Perlembagaan Malaysia.

Ini bertujuan mengenal pasti sejauh mana kejayaan kerajaan negara ini memartabatkan agama Islam, sekali gus menolak dakwaan sesetengah pihak kononnya Malaysia tidak mengamalkan ajaran Islam.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Muhamad Abdullah, berkata walaupun kerajaan sudah banyak melaksanakan pelbagai program berlandaskan Islam, termasuk sistem perbankan Islam, kajian itu perlu bagi mengetahui tahap perkembangan Islam di negara lain.

Menurut beliau, memang tidak dinafikan Malaysia adalah antara negara terbaik melaksanakan ajaran Islam tetapi pihak tertentu dalam negara masih cuba memperkecilkannya.

"Oleh itu, melalui kajian berkenaan, kita akan mengetahui fakta sebenarnya," katanya ketika ditemui selepas merasmikan seminar perniagaan Islam dalam era pemulihan semula ekonomi Malaysia di sini, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Besar Kelantan yang juga Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, mendakwa Umno parti sekular seperti parti lain melainkan Pas yang berteraskan Islam.

Nik Abdul Aziz turut memberi pandangan peribadi terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang didakwa menyalahgunakan kepintaran pemberian Allah dengan menuju ke arah sekular dan tidak untuk Islam.

Kenyataan beliau itu turut mendapat reaksi Perdana Menteri dan pemimpin Barisan Nasional Kelantan, baru-baru ini.

(END)